

Peraturan tempat letak kenderaan menyusahkan OKU

B/H 7/5/2011 no 23.

MINGGU lalu saya ke sebuah pasar raya besar di Batu Caves, Selangor. Jarang juga saya ke sana sebelum ini kerana sukar mendapatkan tempat meletak kenderaan yang berhampiran pintu masuk bangunan itu. Tidak terdaya dan panas hendak berjalan jauh walaupun berkerusi roda.

Dulu pasar raya ini tidak menyediakan ruang meletak kenderaan untuk orang kelainan upaya (OKU), hanya beberapa bulan lalu ada kemudahan itu di situ. Itu pun tidak banyak, tidak silap hanya dua ruang. Jadi, adalah minat untuk ke pasar raya itu kerana tempat meletak kenderaan itu sangat hampir dengan pintu masuknya.

Beberapa kali menggunakan kemudahan itu tanpa masalah. Minggu lalu, saya dilarang meletak ken-

Titisan Harapan

Karim Sulaiman

sitikarim@gmail.com



deraan di situ kerana mengikut pengawal keselamatan ruang itu hanya untuk pemandu OKU. Kalaupun, arahan baru pihak penguurusan. Kami menunjukkan pelekat OKU, tetapi tetap tidak dibenarkan meletak kenderaan di situ.

Pengawal keselamatan itu berkeras ruang berkenaan hanya untuk pemandu OKU. Maksudnya mesti OKU yang memandu kereta itu, baru boleh menggunakan kemudahan berkenaan. Pada saya berapa ramai

OKU yang memandu sendiri ke situ. Logiknya, orang seperti kami pasti meminta bantuan orang lain membawa ke situ untuk membeli-belah. Lebih mudah dan selamat. Takkan hendak memandu sendiri juga walaupun membahayakan diri sendiri dan orang lain semata-mata untuk layak mendapat kemudahan itu?

Kadangkala, orang yang melaksanakan arahan, mengikut saja tanpa ada pertimbangan atau rasa perikemanusiaan. Ada kalanya mereka perlu melihat keadaan orang yang dikatakan OKU itu. Mereka sangat memerlukan kemudahan itu. Contohnya, kerana tidak boleh berjalan jauh atau terkena cuaca panas. Orang yang mengeluarkan arahan pula, hanya tahu membuat peraturan tanpa mengambil kira kesukaran orang lain. Berilah sedikit

kelonggaran.

Peraturan dan arahan tidak tepat ini bukan masalah baru di banyak tempat kepada OKU. Jika berurusan di hospital kerajaan pun, OKU akan menghadapi masalah sama. Mesti pandu sendiri, baru boleh guna tempat kenderaan OKU. Peraturan seumpama sebenarnya menyekat kebebasan OKU untuk hidup seperti orang normal. Orang normal pun, ada kalanya tidak mahu ke sesuatu tempat dengan alasan sukar untuk mendapat tempat meletak kenderaan. Ini pula OKU.

Begitu pun, ada juga tempat yang pengurusan dan pengawal keselamatannya bertimbang rasa. Contohnya, sewaktu berurusan di ibu pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kami dibenarkan meletak kenderaan OKU walaupun yang me-

mandu itu isteri saya. Ada juga pusat beli-belah terkemuka yang menyediakan kemudahan bukan saja untuk pemandu OKU, malah mana-mana OKU yang tidak memandu.

Dalam pada itu, ada juga mereka yang bukan OKU tidak segan silu merampas kemudahan kami. Golongan ini langsung tidak memedulikan apa yang mereka lakukan itu salah. Hendak dikatakan mereka tidak memahami peraturan atau tidak tahu membaca notis, tidak juga.

Apa tidaknya, banyak kali saya melihat orang yang kereta mewah yang kerap berbuat demikian. Kena denda pun tidak mengapa. Janji dapat tempat meletak kenderaan, lebih-lebih lagi dekat dengan pintu masuk.